



**KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD
(KOPETRO)**

**ATURAN-ATURAN
PEMBIAYAAN QARDHUL HASSAN
(PEMBIAYAAN KEBAJIKAN)**

1. PENDAHULUAN

Aturan ini dinamakan Aturan Pembiayaan Qardhul Hassan Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (selepas ini disebut Aturan Qardhul Hassan). Aturan ini diwujudkan selaras dengan Undang-Undang Kecil 8(3) koperasi.

2. TAFSIRAN

“Anggota” ertinya mana-mana orang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini serta telah menjelaskan sumbangan-sumbangan dan fi yang ditetapkan mengikut syarat-syarat keanggotaan Koperasi;

“Caj Pengurusan” ertinya bayaran tetap yang dikenakan keatas pembiayaan yang diberi;

“Koperasi” ertinya Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad;

“Pegawai” ertinya seorang pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga dan termasuklah ketua pegawai eksekutif atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, peraturan-peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan koperasi ini;

“Pembiayaan” ertinya suatu pembiayaan kredit yang diberikan kepada anggota mengikut terma-terma dan syarat yang ditetapkan;

“Penjamin” ertinya seseorang anggota yang menjamin sesuatu pembiayaan;

“PETRONAS” ertinya Petroliam Nasional Berhad;

“Tempoh Bayaran Balik” ertinya suatu tempoh yang ditetapkan oleh aturan ini bagi maksud menjelaskan pembiayaan;

“UUK” ertinya Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad;

3. SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

Lembaga Koperasi atau pegawai yang diberi kuasa boleh menimbang dan meluluskan sesuatu pembiayaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

3.1 KELAYAKAN PEMOHON PEMBIAYAAN

Koperasi boleh menimbang sesuatu permohonan pembiayaan kepada seseorang anggota tertakluk :-

- 3.1.1 Anggota yang telah disahkan dalam jawatan di PETRONAS atau subsidiari-subsidiarinya;
- 3.1.2 Telah menjelaskan modal syer minima mengikut UUK 55.
- 3.1.3 Telah menjelaskan yuran sekurang-kurangnya enam bulan atau yang bersamaan dengannya.
- 3.1.4 Bagi bekas anggota, hendaklah telah genap dua belas bulan (12) diterima menjadi anggota;
- 3.1.5 Umur tidak melebihi had umur persaraan wajib atau 60 tahun semasa tamat tempoh pembiayaan, mengikut mana yang terkemudian.

3.2 JAMINAN PEMBIAYAAN

Syarat-syarat pembiayaan yang memerlukan penjamin dan tidak memerlukan penjamin adalah seperti berikut:-

- 3.2.1 Pembiayaan yang tidak memerlukan penjamin apabila nilai pembiayaan kurang daripada jumlah yuran terkumpul;
- 3.2.2 Seorang penjamin diperlukan bagi pembiayaan yang nilai pembiayaannya melebihi daripada jumlah yuran terkumpul.

3.3 KELAYAKAN PENJAMIN

Seseorang anggota boleh menjamin sesuatu pembiayaan bagi anggota yang lain tertakluk kepada syarat berikut :-

- 3.3.1 Tidak melebihi 5 kali jaminan; atau
- 3.3.2 Nilai jaminan keseluruhan yang telah dibuat berjumlah RM 100,00.00 mengikut mana yang terdahulu.

3.4 BORANG DAN DOKUMEN PEMBIAYAAN

Setiap permohonan pembiayaan hendaklah dibuat melalui borang yang telah ditetapkan oleh Koperasi.

3.4.1 Borang permohonan pembiayaan hendaklah disertakan dengan:-

- (a) Salinan Kad Pengenalan pemohon;
- (b) Salinan Slip Gaji Terkini pemohon;
- (c) Salinan Kad Pengenalan penjamin-penjamin (jika perlu);
- (d) Salinan Slip Gaji Terkini penjamin-penjamin (jika perlu);

3.4.2 Setiap permohonan yang diluluskan akan dikenakan caj pengurusan seperti dijadual II yang dilampirkan dan bayaran ini akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diluluskan.

4. HAD PEMBIAYAAN

Pembiayaan bolehlah diberi kepada anggota yang berkelayakan tertakluk kepada :-

- 4.1 Tidak melebihi RM 20,000.00 dengan seorang penjamin.
- 4.2 Jumlah pembiayaan yang bersamaan dengan nisbah 0.75:1 atas yuran terkumpul (tanpa penjamin).
- 4.3 Tidak melebihi 50 peratus dari gaji pokok bagi peminjam yang tidak mempunyai pinjaman perumahan manakala 75 peratus dari gaji pokok bagi peminjam yang mempunyai pinjaman perumahan.

5. TEMPOH BAYARAN BALIK

Setiap pembiayaan yang diluluskan hendaklah dibayar balik secara ansuran bulanan melalui potongan gaji bulanan seperti berikut:-

- 5.1 Tidak melebihi 12 bulan bagi pembiayaan yang kurang daripada RM4,000.00; atau
- 5.2 Tidak melebihi 18 bulan bagi pembiayaan di antara RM4,000.00 hingga RM 10,000.00; atau
- 5.3 Tidak melebihi 24 bulan bagi pembiayaan yang melebihi RM10,001.00.

6. TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Tabung Perlindungan Pembiayaan ini diwujudkan bertujuan untuk melindungi jumlah pembiayaan yang diluluskan jika peminjam mati atau ketidakupayaan kekal. Lembaga berhak melantik mana-mana syarikat insurans bagi melindungi pembiayaan yang diluluskan. Apa-apa bayaran premium yang dikenakan oleh syarikat insurans akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diluluskan.

7. PENOLAKAN PEMBIAYAAN

Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh menolak sebarang permohonan pembiayaan atau menghadkan jumlah yang dipohon tanpa menyatakan sebab-sebabnya.

8. KEINGKARAN MEMBAYAR BALIK PEMBIAYAAN

Keingkaran membayar balik pembiayaan boleh berlaku sekiranya :-

8.1 Peminjam gagal membayar 3 bulan berturut-turut ansuran pembiayaannya; atau


8.2 Keanggotaan peminjam terhenti mengikut UUK 20(1)(b), (c) dan (d).

Koperasi berhak menuntut balik serta merta kesemua baki pembiayaan setelah ditolak dari modal yuran, syer dan simpanan khas.

9. LAIN-LAIN

Sebarang pertikaian berhubung dengan pelaksanaan Aturan ini hendaklah dirujuk kepada Mesyuarat Agung Perwakilan koperasi ini untuk penyelesaian selaras dengan UUK 80(3).

Aturan Pembiayaan Qardhul Hassan Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad ini telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini pada 1hb Ogos 2009.



Pengerusi



Setiausaha



Bendahari

Bertarikh: 1 Ogos 2009


JADUAL PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN QARDHUL HASSAN

| AMAUN PEMBIAYAAN (RM) | CAJ PENGURUSAN (RM) | ANSURAN BULANAN | | |
|-----------------------------|---------------------------|------------------|------------------|------------------|
| | | 12 BULAN (RM) | 18 BULAN (RM) | 24 BULAN (RM) |
| 500 | 55 | 41 | | |
| 1,000.00 | 95 | 83 | | |
| 1,500.00 | 120 | 125 | | |
| 2,000.00 | 145 | 166 | | |
| 2,500.00 | 170 | 208 | | |
| 3,000.00 | 195 | 250 | | |
| 3,500.00 | 220 | 291 | | |
| 4,000.00 | 245 | 333 | 222 | |
| 4,500.00 | 275 | 375 | 250 | |
| 5,000.00 | 305 | 416 | 277 | |
| 5,500.00 | 335 | 458 | 305 | |
| 6,000.00 | 365 | 500 | 333 | |
| 6,500.00 | 395 | 541 | 361 | |
| 7,000.00 | 425 | 583 | 388 | |
| 7,500.00 | 455 | 625 | 416 | |
| 8,000.00 | 485 | 666 | 444 | |
| 8,500.00 | 515 | 708 | 472 | |
| 9,000.00 | 545 | 750 | 500 | |
| 9,500.00 | 575 | 791 | 527 | |
| 10,000.00 | 605 | 833 | 555 | |
| 10,500.00 | 705 | 875 | 583 | 437 |
| 11,000.00 | 755 | 916 | 611 | 458 |
| 11,500.00 | 805 | 958 | 638 | 479 |
| 12,000.00 | 855 | 1,000.00 | 666 | 500 |
| 12,500.00 | 905 | 1,041.00 | 694 | 520 |
| 13,000.00 | 955 | 1,083.00 | 722 | 541 |
| 13,500.00 | 1,005.00 | 1,125.00 | 750 | 562 |
| 14,000.00 | 1,055.00 | 1,166.00 | 777 | 583 |
| 14,500.00 | 1,105.00 | 1,208.00 | 805 | 604 |
| 15,000.00 | 1,155.00 | 1,250.00 | 833 | 625 |
| 15,500.00 | 1,205.00 | 1,291.00 | 861 | 645 |
| 16,000.00 | 1,255.00 | 1,333.00 | 888 | 666 |
| 16,500.00 | 1,305.00 | 1,375.00 | 916 | 687 |
| 17,000.00 | 1,355.00 | 1,416.00 | 944 | 708 |
| 17,500.00 | 1,405.00 | 1,458.00 | 972 | 729 |
| 18,000.00 | 1,455.00 | 1,500.00 | 1,000.00 | 750 |
| 18,500.00 | 1,505.00 | 1,541.00 | 1,027.00 | 770 |
| 19,000.00 | 1,555.00 | 1,583.00 | 1,055.00 | 791 |
| 19,500.00 | 1,605.00 | 1,625.00 | 1,083.00 | 812 |
| 20,000.00 | 1,655.00 | 1,666.00 | 1,111.00 | 833 |